

Headline	Tak tahu nak bertaubat		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	27 May 2014	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	825,000
Page No	40	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	126 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,886
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,658



# Tak tahu nak bertaubat



**Kota Bharu:** “Kamu sudah enam tahun menghidap HIV, bila lagi mahu bertaubat daripada mengambil dadah?” soal Majistret Nik Habri Muhammad, kepada seorang lelaki berusia 36 tahun sebe-

lum menjatuhkan hukuman penjara empat bulan atas tuduhan memasukkan dadah jenis Methamphetamine, Amphetamine dan Codeine ke dalam badan pada November tahun lalu.

Tertuduh, Badrul Hisham Kamarul Ariffin, yang beralamat di Jalan Che Su, di sini, dijatuhi hukuman itu selepas dia mengaku bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Nik Habri di Mahkamah Majistret di sini.

Berdasarkan kertas pertuduhan, dia didakwa memberikan kepada diri sendiri dadah berbahaya jenis Methamphetamine, Amphetamine dan Codein, pada jam 11.45 pagi, 28 November 2013.

Dakwaan itu dikemukakan mengikut Seksyen 15 (1) (a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dikenakan hukuman denda tidak lebih RM5,000 atau penjara tidak lebih dua tahun.

Timbalan Pendakwa Raya, Noor Dayana Mohamed, mengendalikan pendakwaan, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Terdahulu, tertuduh membuat rayuan kepada mahkamah supaya dijatuhkan hukuman ringan memandangkan dia adalah pesakit HIV.